


Tonjolkan keprihatinan Dr. Mahathir

KUALA LUMPUR 26 Julai — Larian Antarabangsa Pasir Mas 1994, yang dijangka menghimpunkan lebih 15,000 peserta dari dalam dan luar negara, akan menonjolkan keperwiraan, ketegasan dan keprihatinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berhubung isu-isu dunia sejangat.

ia bertujuan untuk memaparkan secara nyata kepada masyarakat antarabangsa tentang perasaan kekaguman rakyat negara ini di atas kecemerlangan kepimpinan Perdana Menteri itu.

Pengerusi Jawatankuasa Induk program itu, Ibrahim Ali berkata, larian itu yang bertemakan *Adi Jagat Wira Keadilan Dunia* itu dianjurkan oleh Yayasan Pasir Mas dengan kerjasama akhbar *Utusan Malaysia*, Nestle dan People's Insurance.

Larian itu, yang akan berlangsung pada 10 September ini, akan disertai sama oleh peserta-peserta antarabangsa yang mewakili Great Britain, New



Zealand, Australia, Pakistan, India dan Jepun.

"Perdana Menteri di dalam memainkan peranan sebagai pemimpin dekad ini yang bukan sahaja telah mengubah imej negara malahan telah meletakkan Malaysia ke tahap yang amat disegani oleh negara-negara asing termasuk kuasa besar.

Pengorbanan

"Tema ini dipilih kerana kita memikirkan bahawa sudah banyak sumba-

ngan dan pengorbanan yang diberikan oleh Dr. Mahathir," katanya.

Ibrahim yang juga Ahli Parlimen Kawasan Pasir Mas berkata, larian tersebut dirancang sedemikian rupa supaya kesemua peserta pelbagai peringkat termasuk dari luar negara memakai kemeja 'T' yang tertera wajah Dr. Mahathir dan tema berkenaan.

"Kita mahu semua peserta menghayati pengorbanan dan perjuangan

Perdana Menteri. Kita mahu peserta antarabangsa juga turut merasa betapa rakyat negara ini begitu menyanjung tinggi jasa-jasa yang telah dicurahkan oleh beliau," katanya lagi.

Beliau berkata, di samping memaparkan kekaguman rakyat kepada Dr. Mahathir, larian, secara besar-besaran itu bertujuan untuk mendedahkan kalangan peserta khususnya remaja supaya menghayati wawasan Kementerian Belia dan Sukan.

"Atas harapan itu, pihak pengatur larian berpendapat acara yang penuh gemilang ini adalah merupakan suatu usaha

sokongan yang jelas kepada cita-cita murni Menteri Belia dan Sukan," jelas beliau.

Menurut beliau, Yayasan Pasir Mas juga mempunyai tanggungjawab sosial di dalam membantu masyarakat kawasan itu khususnya mereka yang memerlukan bantuan.

Ibrahim meminta sektor swasta supaya tampil untuk menghulurkan sumbangan kepada tabung larian itu.

Mengenai hadiah pula, beliau memberitahu, pemenang Kumpulan Lelaki Senior akan menerima RM3,000; Wanita Senior (RM1,000); Lelaki dan Wanita Veteran dan Lela-

ki dan Wanita Junior masing-masing sebanyak RM700.

Selain itu, hadiah-hadiah wang tunai dan lain-lain seperti tiket penerbangan, barangan elektrik, topi dan medal juga akan turut disediakan.

Ibrahim meminta, mereka yang berminat menyertainya supaya menghubungi Yayasan Pasir Mas menerusi nombor telefon 09-702046 (Yayasan Pasir Mas, W1/105C, Jalan Pegawai, 17000 Pasir Mas) atau 03-2933944 (3/0, Jalan Cendana, Off Jalan Raja Abdullah, 50300 Kuala Lumpur).